

22/04/2001

Azalina tidak tahu Erra mahu tarik diri

KUALA LUMPUR: Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina Othman Said, tidak tahu menahu mengenai desas-desus penyanyi dan pelakon Erra Fazira (gambar kiri) mahu menarik diri daripada barisan Exco Pusat Jawatankuasa Penaja Puteri Umno.

Beliau yang ditemui selepas majlis suai kenal dan taklimat dengan peguam sukarela Biro Tindakan Sivil Umno di Sungai Way, dekat sini, semalam, berkata:

"Saya tidak menerima sebarang berita mengenai perkara seumpama itu. Saya tidak tahu mengenai khabar angin itu. Semua orang boleh bercakap dan bercerita. Pasal saya pun orang ada cakap juga," katanya.

Laman web [www.octopus.com.my](http://www.octopus.com.my) kelmarin melaporkan, Erra mendraf surat untuk dihantar kepada Azalina berhubung hasratnya menarik diri daripada menyertai Puteri Umno.

Melalui laman web yang memetik sumber terdekat penyanyi popular itu, Erra dipercayai menghantar surat itu kepada Azalina tidak lama lagi.

Menurut sumber itu, Erra mahu menumpukan sepenuh perhatian terhadap bidang seni, tambahan pula dia terikat dengan promosi album dan filem.

Erra atau nama sebenarnya, Fazira Wan Chek, 27, sebelum ini pernah menyatakan kesediaannya menanggung segala risiko apabila membabitkan diri dalam parti politik selepas pelantikan itu.

Beliau menyedari kegiatan yang padat sebagai artis dan tidak mempunyai asas dalam politik akan membuatkan dirinya menempuh pelbagai cabaran tetapi bersedia menerima didikan dalam bidang itu.

Pelantikan Erra diumumkan Azalina selepas mesyuarat pertama jawatankuasa itu di ibu pejabat Umno di sini, baru-baru ini.

Erra bagaimanapun, pernah menyatakan keutamaannya masih kepada bidang seni.

Beliau juga sebelum ini pernah menjelaskan kegagalannya menyertai pertemuan pertama Exco Jawatankuasa Pusat Penaja Puteri Umno dengan Presiden dan Timbalan Presiden Umno dalam acara berasingan.

Erra tidak membuat kunjungan hormat kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana perlu menghadiri pelancaran album kompilasi, 16 Bintang 1 Fiesta sempena Anugerah Industri Muzik 2001 (AIM2001) di Hotel Concorde.